

# Taman Rekreasi Kolam Tebatan Banjir Sungai Bunus tarikan baharu ibu kota

**KUALA LUMPUR** - Taman Rekreasi Kolam Tebatan Banjir Sungai Bunus, Kampung Boyan berdekatan Lorong Gurney di sini yang sebelum ini pernah menjadi lokasi larangan akan dibuka kepada orang ramai mulai Julai depan.

Pengarah Eksekutif Bahagian Perancangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Mohd. Najib Mohd. berkata, pihaknya sedang giat melakukan transformasi mengindahkan kawasan tersebut agar dapat menarik perhatian umum untuk berkunjung sekali gus menjadi satu lagi lokasi riadah kegemaran warga kota.

"Antara inisiatif yang dilakukan ialah menyediakan trek laluan berbasikal dan sebagai nilai tambah, kita juga mewujudkan landskap tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran berkonsepkan kebun bandar.

"Sehubungan itu, DBKL mengalu-alukan penglibatan masyarakat untuk terlibat dalam projek ini (kebun bandar)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Program Pemeliharaan Alam Sekitar dalam Lembaga Sungai Bunus sempena Hari Air Sedunia di Taman Rekreasi Kolam Tebatan Banjir Sungai Bunus, Kampung Boyan di sini kelmarin.



**MOHD. NAJIB** (barisan tengah, lima dari kiri) dan **Kamala Shirin** (barisan tengah, tujuh dari kiri) bergambar bersama kakitangan DBKL dan anggota tentera laut AS selepas menanam 100 batang pokok di sekitar Taman Rekreasi Kolam Tebatan Banjir Sungai Bunus, Kuala Lumpur kelmarin.

Hadir sama Duta Besar Amerika Syarikat (AS) ke Malaysia, Kamala Shirin Lakhdir.

Pada program itu, selain kakitangan DBKL, seramai 30 anggota tentera laut AS turut terlibat

sama bergotong-royong menanam 100 batang pokok manggis dan rambutan.

Kehadiran tentera laut AS ke Malaysia sempena program Perkongsian Latihan Pasifik 2017 antara AS dan negara ini.

Mengulas lanjut, Mohd. Najib berkata, selain mengindahkan kawasan sekitar, pihaknya turut menaik taraf sistem saliran Kolam Tebatan Banjir Sungai Bunus.

"Pendekatan ini sangat penting bagi mengurangkan risiko banjir kilat yang sering melanda beberapa kawasan utama sekitar ibu kota," ujarnya sambil menambah kos keseluruhan projek Taman Rekreasi Kolam Tebatan Banjir Sungai Bunus itu mencecah RM220 juta.